



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 27
No. 14

7hb Julai 1983

TAMBAHAN No. 48
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 277.

AKTA ELEKTRIK 1949

KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA LETRIK NEGARA TANAH
MELAYU (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1983

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I PERMULAAN

Kaedah

1. Nama.
2. Pemakaian.
3. Tafsiran.
4. Tatakelakuan.
5. Pekerjaan luar.
6. Hadiah-hadiah dsb.
7. Keraian.
8. Keempunyaan harta alih atau tak alih.
9. Menyenggara taraf hidup melebihi daripada emolumen rasmi dan pendapatan persendirian yang sah.
10. Meminjam wang.
11. Kesusahan berat kerana hutang.
12. Laporan mengenai kesusahan berat kerana hutang dsb. daripada mahkamah dan Pegawai Pemegang Harta.
13. Meminjamkan wang.

Knedah

14. Spekulasi ditegah.
15. Refel dan loteri.
16. Penerbitan buku.
17. Pernyataan awam dilarang.
18. Dilarang bertindak sebagai penyunting dsb. bagi surat-khabar dsb.
19. Aktiviti-aktiviti politik.
20. Membawa prosiding undang-undang dan bantuan guaman.
21. Tidak hadir bertugas tanpa cuti.
22. Melaporkan kerja atau kelakuan yang tidak memuaskan.

BAHAGIAN II**JAWATANKUASA KECIL TATATERTIB**

23. Jawatankuasa kecil tatatertib.

BAHAGIAN III**PROSEDUR TATATERTIB**

24. Syarat-syarat bagi membuang kerja atau menurunkan pangkat.
25. Pihak Berkuasa Tatatertib menentukan jenis kesalahan.
26. Prosedur bagi kes-kes yang patut dikenakan hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat.
27. Prosedur bagi kes-kes yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.
28. Prosiding jenayah terhadap seseorang pegawai.
29. Langkah-langkah tatatertib tidak boleh diambil sementara menanti selesainya prosiding jenayah.
30. Akibat pembebasan.
31. Tahan kerja.
32. Gantung kerja.
33. Meninggalkan negeri semasa ditahan kerja atau digantung kerja.

BAHAGIAN IV**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS**

34. Prosedur mengenai sabitan.
35. Prosedur mengenai kes tahanan, huang negeri dsb.
36. Kuasa Pihak Berkuasa Tatatertib mengenai sabitan, tahanan dsb.

BAHAGIAN V**HUKUMAN****Kaedah**

37. Hukuman tata tertib.
38. Denda atau lucuthak gaji.
39. Menahan kenaikan gaji.
40. Pemberhentian kenaikan gaji.
41. Penangguhan kenaikan gaji.
42. Remitan mengenai penangguhan kenaikan gaji.
43. Turun gaji.
44. Hukuman dikehendaki dicatatkan ke dalam Rekod Perkhidmatan pegawai.

BAHAGIAN VI**RAYUAN-RAYUAN**

45. Notis rayuan.
46. Menyampaikan rayuan kepada Lembaga.
47. Tindakan oleh Lembaga atas rayuan.
48. Rayuan berkuatkuasa sebagai penangguhan akan pelaksanaan hukuman.

BAHAGIAN VII**PELBAGAI**

49. Surcaj.
50. Penyampaian dokumen, notis dsb.

AKTA ELEKTRIK 1949

KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA LETRIK NEGARA TANAH MELAYU
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1983

Akta 116. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 89A Akta Elektrik 1949, Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama. 1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu Kelakuan dan Tata tertib 1983.**

Pemakaian. 2. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi seseorang pegawai di sepanjang tempoh perkhidmatannya. Tindakan tata tertib boleh diambil terhadap mana-mana pegawai yang melanggar peruntukan Kaedah-kaedah ini.

Tetapan. 3. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya meng-
hendaki makna yang lain—

“disabitkan” atau “sabitan” termasuklah suatu keputusan atau suatu perintah yang bermaksud keputusan bersalah oleh suatu mahkamah jenayah di Malaysia atau di luar Malaysia atau oleh suatu badan yang kompeten yang diberi kuasa untuk menjalankan penyiasatan terus di bawah mana-mana undang-undang bertulis menyatakan bahawa orang yang dipertuduhkan atau dituduh itu telah melakukan suatu kesalahan;

“Ketua Jabatan” ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab mengenai sesebuah bahagian, kawasan, daerah, stesen jana elektrik atau jabatan dan termasuk mana-mana pegawai kanan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya;

“Lembaga” ertinya Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu;

“pegawai” ertinya seseorang dalam perkhidmatan tetap atau sementara Lembaga Letrik Negara dan termasuk kakitangan di dalam Kumpulan A, B, C dan D;

“pegawai kanan” ertinya seseorang pegawai yang berkhidmat dalam Kumpulan A dan yang menerima gaji Kumpulan A;

“Pengurus Besar” ertinya Pengurus Besar Lembaga Letrik Negara;

“perkhidmatan” ertinya perkhidmatan di dalam Lembaga Letrik Negara;

“Pihak Berkuasa Tata tertib” ertinya Pihak Berkuasa Tata tertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 12A Akta, dan termasuklah Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil Tata tertib di bawah kaedah 23.

4 Yang berikut ini ialah tatakelakuan bagi pegawai-pegawai Tatakelakuan
dalam perkhidmatan. Tindakan tata tertib boleh diambil di bawah
Kaedah-Kaedah ini terhadap mana-mana pegawai yang melanggar
mana-mana daripada peruntukan peruntukan tatakelakuan ini.

(1) Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan waktu
menumpukan taat selainya yang tak berbelah bagi kepada Yang
di-Pertuan Agong, Negara dan Lembaga.

(2) Seseorang pegawai tidak boleh

- (a) membelakangkan kewajipannya kerana kepentingan per-
sendiriannya;
- (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin
menyebabkan kepentingan persendirianya bercanggah
dengan kewajipannya;
- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyec-
bahkan syak yang munasabah bahawa
 - (i) dia telah membiarkan kepentingan persendirianya
bercanggah dengan kewajipan-kewajipannya hingga
menjejaskan kegunaannya sebagai seorang pegawai;
 - (ii) dia telah menggunakan kedudukan untuk faedah
dirinya;
- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara hingga menjatuhkan
reputasi perkhidmatan atau mengkilangkan kepercayaan
terhadap perkhidmatannya;
- (e) kurang kecekapan atau keusahaan;
- (f) tidak bertanggungjawab;
- (g) tidak jujur;
- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh
atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan
sesuatu tuntutan berhubungan dengan perkhidmatan sama
ada tuntutan itu adalah tuntutan secara perseorangan atau
tuntutan lain-lain anggota perkhidmatan; dan
- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara
yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar
perintah.

5. (1) Kecuali setakat mana dia dikehendaki dalam menjalankan Pekerjaan
luar
tugasnya atau diberi kuasa dengan nyata untuk berbuat demikian
oleh Pengurus Besar, seseorang pegawai tidak boleh

- (a) mengambil bahagian secara langsung atau secara tak
langsung dalam pengurusan atau perjalanan apa-apa peng-
usahaan perdagangan, pertanian atau perindustrian;
- (b) menjalankan apa-apa kerja bagi mana-mana institusi,
syarikat, firma atau orang perseorangan persendirian untuk
mendapatkan upah;
- (c) sebagai seorang pakar, memberi apa-apa laporan atau
keterangan pakar sama ada dengan percuma atau untuk
mendapatkan upah; atau
- (d) bertugas sebagai seorang wasi, pentadbir atau penerima.

(2) Walaupun demikian, seseorang pegawai boleh memohon kebenaran bertulis daripada Pengurus Besar untuk menjalankan perkhidmatan perkhidmatan tertentu dari jenis yang disebutkan dalam perenggan (1) bagi faedah dirinya atau faedah saudara-maranya yang dekat atau bagi mana-mana badan yang bukan mencari keuntungan yang dia adalah pemegang jawatannya.

(3) Bagi menimbangkan sama ada kebenaran patut diberi atau tidak, Pengurus Besar hendaklah mengambil perhatian tentang tatakelakuan yang ditetapkan dalam kaedah 4 dan, khususnya hendaklah memastikan bahawa dengan kebenaran itu —

- (a) pekerjaan luar itu hendaklah jangan dilakukan dalam waktu bekerja pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas-tugas rasminya;
- (b) aktiviti itu tidak akan dengan apa-apa cara menjejaskan kegunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai; dan
- (c) pekerjaan atau pengusahaan itu tidak akan dengan apa-apa cara bercanggah dengan kepentingan Lembaga atau menjadi tak sejajar dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai Lembaga.

(4) Seseorang pegawai yang bercuti termasuk bercuti sebelum bersara tidak boleh menerima apa-apa kerja persendirian untuk mendapatkan upah tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengurus Besar.

(5) Kecuali setakat mana ditetapkan selainnya, segala jumlah wang yang diterima oleh seseorang pegawai sebagai saraan kerana memberi mana-mana daripada perkhidmatan yang disebutkan dalam perenggan (1), hendaklah dibayar masuk ke dalam hasil Lembaga sebagai deposit sementara menantikan keputusan mengenai amaunnya, jika ada, yang boleh disimpan oleh pegawai itu sendiri dan oleh kakitangan pegawai itu.

Hadiah—
hadiah, dsh

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan kaedah ini dan kaedah 7, seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberi atau membenarkan isteri atau suami, anak-anak (jika ada, termasuk anak angkat dan anak tak sah taraf), ibu-bapa, saudara-maranya atau mana-mana orang untuk menerima atau memberi bagi pihaknya, secara langsung atau secara tak langsung apa-apa hadiah daripada atau kepada mana-mana orang

- (a) sama ada atau tidak penerimaan atau pemberian hadiah itu ada dengan apa-apa cara kena mengena dengan pelaksanaan kewajipan pegawai itu; dan
- (b) sama ada atau tidak hadiah itu berupa wang, barang-barang, benda-benda, tambang percuma, kemudahan perjalanan, perkhidmatan, hiburan atau apa-apa jua faedah lain sama ada zahir atau sebaliknya.

(2) Seseorang pegawai tidak boleh menerima daripada mana-mana persatuan, badan atau kumpulan orang, atau daripada mana-mana pegawai lain apa-apa tawaran yang berharga tetapi Ketua Jabatan boleh membenarkan pegawai itu menerima surat pujian daripada salah seorang daripada mereka itu sempena persaraan atau pertukaran pegawai itu dengan syarat bahawa surat pujian itu tidak terkandung dalam bekas-bekas yang berharga.

(3) Kebenaran boleh diberi oleh Ketua Jabatan untuk membolehkan pungutan yuran yuran secara spontan dibuat oleh pegawai pegawai di bawahnya atau mengadakan pungutan per sendirian yang tidak dirayu rayu dibuat dari kalangan pegawai tersebut bagi maksud memberi sesuatu hadiah kepada seseorang kakitangan jabatannya sempena persaraan pertukaran atau perkahwinan kakitangan tersebut atau perkahwinan anak kakitangan tersebut atau sempena apa apa hal lain yang sesuai

(4) Jika nai nai keadaan menyebabkannya sukar bagi seseorang pegawai hendak menolak hadiah atau tandanata yang berharga yang dilatag diterima oleh kaedah ini (mualnya jika cadangan hendak memberi hadiah itu tidak diberitahu terlebih dahulu) maka hadiah itu bolehlah diterima secara rasmi tetapi hendaklah dengan secepat segera yang praktik menghantar satu laporan secara bertulis kepada Ketua Jabatan yang mengandungi penjelasan penuh dan anggaran nilai hadiah itu dan hal-hal keadaan nya hadiah itu diterima dan Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan laporan tersebut bersama-sama dengan ulasannya kepada Pihak Berkuasa Tata tertib Sementara menunggu keputusan Pihak Berkuasa Tata tertib, pegawai itu adalah bertanggungjawab untuk menyimpan hadiah itu dengan selamat

(5) Apabila menerima laporan yang dibuat di bawah perenggan (4), Pihak Berkuasa Tata tertib itu hendaklah memutuskan sama ada

- (a) membenarkan pegawai itu menyimpan hadiah itu, atau
- (b) mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan kepada pemberinya melalui Ketua Jabatan

7 Seseorang pegawai tidak boleh memberi atau menerima apa apa jenis keraian kepada atau daripada mana-mana orang, pertubuhan atau kumpulan orang sekiranya keraian itu dapat dengan apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas rasminya sebagai seorang pegawai Lembaga bagi faedah kepentingan mana mana orang, pertubuhan atau kumpulan atau dengan apa apa cara dikira tak konsisten dengan peruntukan tatakelakuan yang tersebut dalam kaedah 4

Keralan

8 (1) Seseorang pegawai hendaklah apabila dikehendaki oleh Lembaga melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tata tertib melalui Ketua Jabatannya semua harta sama ada alih atau tak alih (tidak termasuk harta alih yang dengan munasabah digunakan sebenarnya pada masa itu olehnya oleh isteri atau suami atau anak anaknya) kepunyaannya atau yang dipegang oleh seseorang bagi pihak dirinya atau bagi pihak isteri atau anak anaknya atau jika tidak ada harta seperti itu dia hendaklah melaporkan sedemikian Ketua Jabatan hendaklah merekodkan hal ini dalam Rekod Perkhidmatan pegawai itu

Memiliki
harta alih
atau tak
alih

(2) Jika selepas melaporkan semua hartanya di bawah perenggan (1), seseorang pegawai atau isterinya atau anak-anaknya memperolehi apa apa harta sama ada secara langsung atau secara tak langsung (tidak termasuk harta alih yang dengan munasabah diperlukan bagi kegunaannya sendiri, kegunaan isteri atau anak anaknya) maka dia hendaklah melaporkan segera perolehan itu kepada Pihak Berkuasa Tata tertib melalui Ketua Jabatan

(3) Jika seseorang pegawai atau isterinya atau anaknya ber-cadang hendak memperoleh apa-apa harta sama ada secara langsung atau secara tak langsung, sama ada alih atau tak alih, dan perolehan yang dicadang itu adalah tak konsisten dengan peruntukan peruntukan kaedah 4, perolehan itu tidak boleh dilakukan tanpa pegawai itu terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Tata tertib.

(4) Bagi memutuskan sama ada kebenaran di bawah perenggan (3) hendak diberi atau tidak Pihak Berkuasa Tata tertib hendaklah mengambil perhatian tentang perkara-perkara yang berikut:

(a) saiz, banyaknya atau nilai pegangan, pelaburan, rumah, tanah atau harta itu berbanding dengan emolumen rasmi pegawai itu dan apa-apa pendapatan persendirian yang sah;

(b) sama ada perolehan atau pegangan itu akan atau mungkin bercanggah dengan kepentingan-kepentingan perkhidmatan atau menjadi tak sejajar dengan kedudukan pegawai itu atau dengan apa-apa cara tak sejajar dengan tatakelakuan yang ditetapkan dalam kaedah 4;

(c) pendapat Ketua Jabatan;

(d) apa-apa faktor lain yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Tata tertib bagi menjaga keutuhan dan keccekapan perkhidmatan Lembaga.

(5) Di dalam kaedah ini

"anak" termasuklah anak angkat tetapi tidak termasuk anak yang bukan tanggungan pegawai itu;

"harta" termasuklah apa-apa jua jenis harta yang ditetapkan oleh Pengurus Besar dari semasa ke semasa.

Menyenggara
taraf hidup
meliputi
daripada
emolumen
rasmi dan
pendapatan
persendirian
yang sah

(1) Jika Ketua Jabatan berpendapat bahawa seseorang pegawai adalah sebenarnya atau pada zahirnya

(a) menyenggara suatu taraf hidup yang lebih daripada emolumen rasminya dan pendapatan-pendapatan lain persendiriaannya yang sah, jika ada; atau

(b) menguasai atau memiliki sumber-sumber kewangan atau harta alih atau tak alih, yang nilainya tidak seimbang dengan emolumen rasminya dan apa-apa pendapatan persendiriaannya yang sah atau yang tidak munasabah dijangka boleh diperolehi oleh pegawai itu dengan emolumen rasminya dan apa-apa pendapatan persendiriaannya yang sah.

Ketua Jabatan hendaklah, melalui surat, meminta pegawai itu supaya memberi penjelasan secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh diterima surat itu bagaimana dia boleh menyenggara taraf hidup tersebut atau bagaimana dia telah mendapat sumber-sumber kewangan atau harta itu.

(2) Setelah penjelasan diterima daripada pegawai yang berkenaan itu atau jika pegawai itu gagal memberi apa-apa penjelasan, Ketua Jabatan hendaklah melaporkan hal ini kepada Pihak

Berkuasa Tatatertib dengan menyertakan penjelasan pegawai itu, jika ada. Pihak Berkuasa Tatatertib boleh berikutan dengan itu mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai itu dengan tujuan buang kerja mengikut kaedah 27 atau mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya patut.

10. (1) Tiada seseorang pegawai boleh meminjam daripada seseorang atau menjadi penjamin atau penggerenti kepada seseorang meminjam atau dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya terhutang wang kepada mana-mana orang— Meminjam wang.

- (a) yang secara langsung atau secara tak langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) yang dengannya pegawai itu ada atau mungkin ada urusan rasmi;
- (c) yang tinggal atau memiliki tanah atau menjalankan perniagaan di dalam kawasan kuasa rasminya; atau
- (d) yang menjalankan perniagaan memberipinjam wang.

Bagi maksud kaedah ini perkataan "orang" adalah termasuk kumpulan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan.

(2) Seseorang pegawai boleh, bagaimanapun, meminjam daripada bank, syarikat insurans, syarikat kerjasama atau syarikat meminjam yang dilesen di bawah Akta Syarikat Meminjam 1969 atau berhutang dengan cara memperolehi barang-barang melalui perjanjian sewa beli dengan syarat bahawa— Akta 6

- (a) bank, syarikat insurans, syarikat kerjasama atau syarikat meminjam dari mana pegawai itu meminjam tidaklah secara langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) pinjaman itu hendaklah jangan membawa skandal awam atau tidak boleh ditalfikan bahawa pegawai itu telah menyalahgunakan kedudukannya di dalam Lembaga untuk faedah persendirian; atau
- (c) agregat hutangnya tidak menyebabkan atau tidak mungkin menyebabkan dia berkehutangan wang yang berat sebagaimana yang ditakrifkan di bawah perenggan (1) kaedah 11.

(3) Tertakluk kepada perenggan (2), seseorang pegawai boleh menanggung hutang-hutang yang berikut—

- (a) jumlah wang yang dipinjam atas cagaran tanah yang digadai atau digadai-janjikan, jika jumlah wang tersebut tidak lebih daripada nilai tanah tersebut;
- (b) overdraf yang dibenarkan oleh bank;
- (c) jumlah wang yang dipinjam daripada syarikat insurans atas cagaran polisi;
- (d) jumlah wang yang dipinjam daripada Lembaga atau syarikat kerjasama;
- (e) jumlah wang yang kena dibayar atas barang-barang yang diperolehi melalui perjanjian sewa beli.

Kesusahan
berat kerana
hutang

11. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini ungkapan "kesusahan berat kerana hutang" ertinya keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang memandangkan banyaknya hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesulitan kewangan yang berat terhadap dirinya; dan tanpa menyentuh pengertian ini akan ungkapan itu, seseorang pegawai hendaklah disifatkan sebagai berada dalam kesusahan berat kerana hutang

- (a) di mana agregat hutang dan tanggungannya yang tak bercagar seseorang pegawai pada sesuatu masa tertentu adalah lebih daripada tiga kali emolumen bulannya;
- (b) jika pegawai itu seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman itu belum lagi dijelaskan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh hukuman itu; atau
- (c) jika pegawai itu seorang bankrap atau seorang pemakan gaji tak solven, mengikut mana yang berkenaan, selagi apa-apa hukuman terhadapnya untuk faedah Pegawai Pemegang Harta masih belum ditunaikan.

(2) Kesusahan berat kerana hutang tidak kira dari apa jua sebab, selain dari malang yang tidak dapat dielakkan, yang disebabkan dengan apa jua cara oleh pegawai itu sendiri hendaklah dianggap sebagai menjatuhkan reputasi perkhidmatan dan menyebabkan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Jika kesusahan berat kerana hutang yang telah berlaku itu adalah disebabkan oleh malang yang tidak dapat dielakkan, maka Lembaga boleh memberi kepada pegawai itu apa-apa bantuan yang difikirkan perlu mengikut hal keadaannya.

(4) Jika seseorang pegawai mendapati bahawa hutangnya adalah menyebabkan atau mungkin menyebabkan kesusahan berat kerana hutang, maka dia hendaklah segera melaporkan hal ini kepada Ketua Jabatannya.

(5) Seseorang pegawai yang gagal melaporkan atau melengah-lengah melaporkan kesusahan berat kerana hutangnya atau yang melaporkan tetapi tidak menyatakan hutangnya dengan sepenuhnya atau memberi akuan yang palsu atau yang mengelirukan mengenainya adalah bersalah atas kesalahan melanggar tatatertib yang berat (tidak kira apakah yang telah menyebabkan keterhutangan itu pada mulanya), dan menyebabkan ia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(6) Selagi seseorang pegawai itu berada dalam kesusahan berat kerana hutang, dia mungkin hilang kelayakan untuk kenaikan pangkat atau memegang sesuatu jawatan yang lebih tinggi atau menanggung kerja suatu jawatan lain di samping tugas-tugas sendiri.

(7) Jika hutang seseorang pegawai berjumlah hingga mengakibatkan kesusahan berat kerana hutang tetapi dia belum dihukum menjadi seorang bankrap atau seorang pemakan gaji yang tak berkemampuan, maka kesnya hendaklah diulang-kaji pada tiap-tiap tahun oleh Ketua Jabatan.

12. (1) Ketua Jabatan hendaklah membuat aturan yang perlu dengan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi mengenai prosiding dalam Mahkamah Tinggi dan Pendaftar Mahkamah Sesyen mengenai prosiding dalam Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret untuk mendapatkan satu laporan berkenaan dengan tiap-tiap pegawai—

Laporan mengenai kesusahan berat kerana hutang, dan daripada mahkamah dan Pegawai Pemegang Harta.

- (a) yang, sebagai seorang penghutang penghakiman, tidak terdapat dari fail guaman sebagai telah menjelaskan hutangnya dalam tempoh satu bulan dari tarikh hukuman;
- (b) yang telah memfailkan petisyen dalam kebangkrapannya sendiri atau untuk mendapatkan perintah mentadbirkan pemakan gaji; atau
- (c) yang terhadapnya suatu petisyen dalam kebangkrapan oleh si pemiutang telah diserahkan.

(2) Pegawai Pemegang Harta hendaklah sesudah sahaja dia menjalankan penyiasatan dengan secukupnya tentang hal ehwal seseorang pegawai yang menjadi bankrap atau pemakan gaji yang tak solven, menyampaikan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan—

- (a) Pernyataan Hal Ehwal yang difailkan oleh si bankrap atau pemakan gaji tak solven itu mengikut undang-undang kebangkrapan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- (b) amaun perintah ansuran yang dicadangkan atau yang dibuat;
- (c) sama ada atau tidak Pegawai Pemegang Harta bercadang hendak membawa apa-apa prosiding selanjutnya dan jika bercadang suatu ringkasan menunjukkan apakah prosiding itu;
- (d) sebab utama kebangkrapan itu;
- (e) sama ada pada pendapat Pegawai Pemegang Harta kes itu disebabkan oleh malang yang tidak dapat dielakkan, kelakuan aib atau apa-apa hal keadaan khas yang lain, sama ada yang menyokong atau menentang pegawai itu;
- (f) apa-apa perkara lain yang difikirkan patut disebut oleh Pegawai Pemegang Harta menurut budi bicaranya.

(3) Setelah menimbangkan laporan di bawah perenggan (2) dan laporan daripada Ketua Jabatan yang berkenaan mengenai kerja dan kelakuan pegawai itu sebelum dan semenjak pegawai itu berada dalam kesusahan berat kerana hutang, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah memutuskan sama ada hendak mengambil tindakan tatatertib, dan jika demikian, apakah tindakan yang hendak diambil.

(4) Jika hukuman yang dikenakan di bawah perenggan (3) berupa pemberhentian atau penangguhan kenaikan gaji maka Pihak Berkuasa Tatatertib boleh, apabila habis tempoh pemberhentian atau penangguhan kenaikan gaji tersebut, memerintah supaya amaun sebanyak kenaikan gaji yang dipulihkan itu ditambah kepada ansuran-ansuran yang kena dibayar kepada Pegawai Pemegang Harta atau mana-mana pemiutang penghakiman.

(5) Seseorang pegawai yang mendapat pembatalan kebangkrapannya bolehlah dianggap sebagai telah memulihkan kedudukan kewangannya dengan sepenuhnya.

Meminjamkan wang

13. Seseorang pegawai tidak boleh meminjamkan wang dengan bunga sama ada dengan atau tanpa cagaran, dengan syarat bahawa menyimpan wang secara simpanan tetap dalam mana-mana bank atau dalam akaun mana-mana bank atau dalam mana-mana syarikat meminjam yang dilesen di bawah Akta Syarikat Meminjam 1969 atau dalam mana-mana cagaran atau saham yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau oleh mana-mana badan berkanun, tidaklah dianggap sebagai meminjamkan wang dengan bunga.

Spekulasi ditekak.

14. Seseorang pegawai tidak boleh menspekulasi tentang turun naiknya harga komoditi, sama ada tempatan atau luar negeri atau membeli atau menjual sekuriti-sekuriti dengan harga yang tinggi sekali.

Rafel dan loteri.

15. Seseorang pegawai tidak boleh mengadakan rafel atau loteri akan harta persendirianya.

Penerbitan buku.

16. Seseorang pegawai tidak boleh menerbitkan atau menulis apa-apa buku, artikel atau lain-lain karya yang berdasarkan maklumat rasmi terperinci.

Pernyataan awam.

17. (1) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain, membuat apa-apa pernyataan awam yang merosakkan sesuatu dasar atau keputusan Lembaga ataupun mengedarkan apa-apa pernyataan seperti itu sama ada dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain.

(2) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain, membuat apa-apa pernyataan awam atau ulasan awam mengenai apa-apa perkara berhubung dengan kerja Jabatan, di mana dia bertugas atau pernah bertugas—

(a) jika pernyataan atau ulasan itu boleh dianggap dengan munasabah sebagai menunjukkan dasar Lembaga kecuali dengan kebenaran Pengurus Besar; atau

(b) jika pernyataan atau ulasan itu boleh atau mungkin menyebabkan serba salah kepada Lembaga.

(3) Bagi maksud kaedah ini, "pernyataan awam" termasuklah membuat apa-apa pernyataan atau ulasan kepada akhbar atau kepada orang ramai atau semasa memberi apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam mana-mana penyiaran melalui bunyi atau penglihatan.

Dilarang bertindak sebagai penyunting dan suratkhbar.

18. Seseorang pegawai tidak boleh bertindak sebagai penyunting atau mengambil bahagian secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, atau dengan apa-apa cara memberi sumbangan wang kepada, mana-mana penerbitan, termasuklah suratkhbar, majalah atau jurnal kecuali yang berikut—

(a) penerbitan-penerbitan jabatan atau kakitangan;

(b) penerbitan-penerbitan profesional; dan

(c) penerbitan-penerbitan pertubuhan sukarela yang tidak bercorak politik.

19. (i) Bagi maksud mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik pegawai-pegawai adalah dibahagikan kepada dua kumpulan—

Aktiviti-
aktiviti
politik.

(a) Kumpulan "A"—Kumpulan ini terdiri daripada pegawai-pegawai di dalam jawatan-jawatan yang berkehendakkan Ijazah Universiti atau kelayakan ikhtisas sebagai kelayakan masuk kerja.

(b) Kumpulan "B"—Kumpulan ini terdiri dari semua pegawai yang bukan dalam Kumpulan "A".

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah 19 (4), seseorang pegawai dalam Kumpulan "A", selain dari menjadi ahli biasa, adalah dilarang mengambil bahagian atau meneruskan dalam kegiatan-kegiatan politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik. Pegawai itu hendaklah mengecualikan dirinya dalam hal-hal politik, dan khususnya dia tidak boleh—

(a) membuat pernyataan kepada orang ramai sama ada secara lisan atau secara bertulis yang menyebelahi mana-mana parti politik mengenai sebarang perkara yang menjadi pertikaian di antara parti-parti politik;

(b) menerbitkan atau mengedarkan buku, artikel atau risalah dsb. yang mengandungi pandangannya jika pandangannya itu menyebelahi mana-mana parti politik;

(c) mengambil bahagian dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon bagi sesuatu pilihanraya bagi apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik; atau

(d) bertindak sebagai seorang ejen pilihanraya atau ejen tempat mengundi atau bertindak dalam apa-apa peranan untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri.

(3) Seseorang pegawai dalam Kumpulan "B" boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa sesuatu parti politik, setelah terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dari Pengurus Besar.

(4) Seseorang pegawai yang bercuti sebelum bersara boleh mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti-aktiviti politik dengan syarat—

(a) dia telah terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Pengurus Besar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti tersebut; dan

(b) dengan mengambil bahagian sedemikian dia tidak melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Akta 88.

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk aktif di dalam politik boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum pegawai itu bercuti sebelum bersara.

20. (1) Jika seseorang pegawai berkehendakkan bantuan guaman sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan (3), dia tidak boleh membawa prosiding undang-undang bagi kepentingan peribadinya berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripadanya tugas-tugasnya tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Pengurus Besar.

Mem bawa
Prosiding
Undang-
undang dan
bantuan
guaman.

(2) Seseorang pegawai yang menerima notis mengenai prosiding undang-undang yang dicadangkan hendak dibawa terhadapnya berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas-tugasnya atau yang menerima apa-apa proses mahkamah berhubungan dengan prosiding undang-undang tersebut hendaklah segera melaporkan perkara itu kepada Ketua Jabatan untuk mendapat arahan sama ada dan bagaimana notis atau, mengikut mana yang berkenaan, proses mahkamah itu hendak diakui terima, dijawab atau dibela.

(3) Seseorang pegawai yang berkehendakkan bantuan guaman untuk menempah dan mengarahkan seseorang peguambela dan peguamcara bagi maksud prosiding undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas-tugasnya boleh membuat permohonan kepada Pengurus Besar. Permohonan tersebut hendaklah mengandungi segala fakta dan hal keadaan kes itu.

(4) Apabila diterima kelak, Pengurus Besar boleh melulus atau menolak permohonan tersebut dan apabila dia meluluskan sesuatu permohonan dia akan memutuskan—

- (a) banyaknya bantuan guaman yang akan diluluskan;
- (b) peguambela dan peguamcara yang hendak ditempah dan diarahkan oleh pegawai itu; atau
- (c) apa-apa syarat lain yang difikirkan baik oleh Pengurus Besar.

dan lagi kepada syarat tersirat bahawa sekiranya pegawai itu diaward kos oleh mahkamah ketika tamatnya prosiding undang-undang tersebut maka Lembaga tidak akan membuat apa-apa bayaran mengenai bantuan guaman yang diluluskan sedemikian melainkan jika amaun kos yang diaward sedemikian kepada pegawai itu tidak mencukupi untuk membayar caj-caj menempah dan mengarahkan seseorang peguambela dan peguamcara.

(5) Caj untuk mengambil khidmat seseorang peguambela dan peguamcara yang ditempah dan diarah oleh atau bagi pihak seseorang pegawai dalam prosiding undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas-tugasnya kecuali dengan kelulusan Pengurus Besar tidak akan dibayar oleh Lembaga.

Tidak hadir
bertugas
tanpa cuti

21. (1) Ketidakhadiran bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan seseorang pegawai dikenakan tindakan tata-tertib.

(2) Bagi maksud kaedah ini "ketidakhadiran" termasuklah tidak hadir selama beberapa lama jua pun pada masa dan di tempat di mana pegawai itu dikehendaki hadir bagi melaksanakan tugas-tugasnya.

(3) Jika seseorang pegawai tidak hadir bekerja selama tempoh tidak lebih daripada tujuh hari kerja dalam sesuatu bulan kalendar, maka atas laporan Ketua Jabatan, Pihak Berkuasa Tata-tertib boleh dalam hal-hal di mana difikirkan adalah tidak patut

diambil tindakan tatatertib dengan tujuan membuang kerja, boleh bertindak terhadap pegawai itu mengikut kaedah 26 dan mengenakan apa-apa hukuman yang difikirkannya patut dan dalam hal demikian dia tidaklah berhak mendapat apa-apa gaji atau saraan selama tempoh yang dia telah tidak hadir itu.

(4) Jika seseorang pegawai tidak hadir selama tempoh lebih daripada tujuh hari kerja dalam sesuatu bulan kalendar atau lebih daripada tujuh hari kerja yang berturut-turut, maka hal itu hendaklah dilaporkan segera oleh Ketua Jabatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib dengan memberi tarikh-tarikh dan hal-hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya yang mungkin dikehendaki berkenaan dengan pegawai itu. Setelah menimbangkan laporan tersebut, Pihak Berkuasa Tatatertib itu boleh kemudiannya mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai itu mengikut kaedah 27 dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkat. Sementara menanti keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib, pegawai itu tidaklah berhak mendapat apa-apa gaji atau saraan selama tempoh dia telah tidak hadir itu. Ini termasuklah hari kelepasan am yang terdapat dalam tempoh ketidakhadiran itu.

(5) Jika seseorang pegawai tidak hadir bekerja dan tidak dapat dikesan, Ketua Jabatan hendaklah mengarahkan supaya suatu surat "A.T." (Akaun Terima) berdaftar dihantar kepada pegawai itu ke alamatnya yang akhir diketahui menghendaki pegawai itu memberi penjelasan mengapa dia tidak hadir bertugas dan juga mengarahkannya supaya melaporkan diri untuk bekerja dengan serta-merta. Jika dalam tempoh tujuh hari selepas menerima surat tersebut, pegawai itu melaporkan diri untuk bekerja Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah mengambil tindakan tatatertib sama ada mengikut perenggan (3) atau (4). Jika tujuh hari selepas pegawai itu menerima surat itu dia masih tidak hadir bekerja atau tiada apa-apa perkhabaran didapati mengenainya atau daripadanya, Ketua Jabatan hendaklah menghantar suatu laporan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib sebagaimana dikehendaki di bawah perenggan (4). Apabila menimbangkan laporan tersebut Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah mengambil tindakan tatatertib sama ada mengikut perenggan (3) atau (4), tetapi sekiranya surat tersebut dikembalikan tak diserahkan, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah mengambil langkah untuk memberitahu dalam *Warta* akan hal yang pegawai itu tidak hadir dan tidak dapat dikesan.

(6) Jika walaupun pemberitahuan telah disiarkan dalam *Warta*, pegawai itu masih tidak kembali bekerja dalam tempoh tujuh hari dari tarikh itu, pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuang kerja mulai dari tarikh dia tidak hadir bertugas. Jika dalam tempoh tujuh hari selepas tersiaranya *Warta* itu pegawai itu melaporkan diri untuk bekerja, Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah mengambil tindakan tatatertib sama ada mengikut perenggan (3) atau (4).

22. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan penyeliaan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dalam tiap-tiap kes kerana melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini termasuk kerja atau kelakuan yang tidak memuaskan.

Melaporkan kerja atau kelakuan kerja yang tidak memuaskan.

(2) Jika pegawai itu tidak melaporkan hal itu, maka dia hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan kerana tidak cekap dan dengan demikian dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

BAGIAN II

JAWATANKUASA JAWATANKUASA KECIL TATATERTIB

Jawatankuasa
kecil
Tatatertib

23. Jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang kepadanya Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 12A (4) Akta boleh mewakilkan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 12A (6) hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) suatu jawatankuasa kecil terdiri daripada Pengarah Pentadbiran Kakitangan, Setiausaha Lembaga dan Ketua Jurutera (Pembahagian) untuk menjalankan apa-apa kuasa ke atas pegawai-pegawai Lembaga dalam Kumpulan B dan ke bawah yang digunakhidmat di Ibu Pejabat Lembaga di Kuala Lumpur sebagaimana diwakilkan kepada jawatankuasa kecil itu oleh Jawatankuasa Tatatertib;
- (b) suatu jawatankuasa kecil terdiri daripada Pengurus Daerah Kanan atau Pengurus Daerah atau Penguasa Stesen atau Ketua Jabatan mengikut mana yang berkenaan, dan seorang Pegawai Kanan Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi secara bertulis dalam tiap-tiap kawasan tempatan di mana Lembaga mempunyai pejabat daerah, sebuah stesen janakuasa elektrik utama dan jabatan, untuk menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas pegawai-pegawai Lembaga dalam Kumpulan B dan ke bawah yang digunakhidmat dalam kawasan tempatan tersebut sebagaimana diwakilkan kepada jawatankuasa kecil tersebut oleh Jawatankuasa Tatatertib.

BAGIAN III

PROSEDUR TATATERTIB

Syarat-syarat
bagi
membuang
kerja atau
menurunkan
pangkat.

24. Dalam semua prosiding tatatertib di bawah Bahagian ini, tiada seseorang pegawai boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat melainkan jika dia telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan atau mana tindakan dicadangkan hendak diambil terhadapnya dan dia telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

Pihak
Berkuasa
Tatatertib
menentukan
jenis
kesalahan

25. Dalam tiap-tiap kes mengenai pelanggaran tatatertib yang dikatakan dilakukan oleh seseorang pegawai, Pengerusi Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah, pertama sekali, sebelum memulakan apa-apa prosiding tatatertib dalam perkara itu, menimbangkan sama ada pelanggaran tatatertib yang diadakan itu adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat atau dikenakan hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat.

Prosedur bagi
kes-kes yang
patut
dikenakan
hukuman
yang lebih
ringan
daripada
buang kerja
atau turun
pangkat.

26. (1) Jika Pengerusi Pihak Berkuasa Tatatertib memutuskan di bawah kaedah 25 bahawa pelanggaran tatatertib yang dikatakan itu patut dikenakan hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat, pegawai itu hendaklah diberitahu secara bertulis mengenai fakta-fakta pelanggaran tatatertib yang dikatakan terhadapnya itu dan diberi peluang membuat representasi secara bertulis terhadap tomanahan itu.

(2) Setelah menimbangkan representasi di bawah perenggan (1), Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah menentukan sama ada pegawai itu bersalah atau tidak atas pelanggaran tatatertib yang dikatakan itu dan jika Pihak Berkuasa itu mendapati bahawa dia adalah bersalah atasnya, maka Pihak Berkuasa itu hendaklah mengenakan mana-mana satu atau lebih daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 37.

27. (1) Jika representasi dibuat kepada Pihak Berkuasa Tata-tertib atau jika didapati olehnya bahawa seseorang pegawai adalah bersalah kerana kerja atau salah-laku yang tidak memuaskan dan kerja atau salah-laku itu, pada pendapat Pihak Berkuasa Tata-tertib itu, patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, maka peruntukan-peruntukan dalam perenggan-perenggan yang berikut hendaklah dipakai.

Prosedur bagi kes-kes yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.

(2) Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah setelah menimbangkan segala maklumat yang ada dalam miliknya bahawa ada kes *prima-facie* untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat, mengarahkan supaya satu pernyataan secara bertulis, yang disediakan jika perlu dengan bantuan Pegawai Undang-Undang atau Peguamcara Lembaga, dihantar kepada pegawai itu, menyatakan alasan-alasan yang dicadangkan untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat pegawai itu dan hendaklah meminta pegawai itu membuat, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari daripada tarikh surat itu diterima, satu representasi yang mengandungi alasan-alasan yang dia hendak gunakan untuk membebaskan dirinya.

(3) Jika setelah dipertimbangkan representasi tersebut, Pihak Berkuasa Tatatertib berpendapat bahawa kerja atau kelakuan pegawai itu yang tidak memuaskan adalah tidak cukup berat untuk menganggapkan patut dia dibuang kerja atau diturunkan pangkat, Pihak Berkuasa Tatatertib itu bolehlah mengenakan apa-apa hukuman yang ringan sebagaimana yang difikirkannya patut ke atas pegawai itu.

(4) Jika pegawai itu tidak mengemukakan apa-apa representasi dalam tempoh yang ditentukan, atau jika dia mengemukakan representasi yang tidak dapat membebaskan dirinya dengan memuaskan hati Pihak Berkuasa Tatatertib, maka Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah terus menimbangkan dan memutuskan perkara membuang kerja atau menurunkan pangkat pegawai itu.

(5) Jika Pihak Berkuasa Tatatertib berpendapat bahawa kes terhadap pegawai itu memerlukan penjelasan selanjutnya, Pihak Berkuasa Tatatertib itu bolehlah melantik satu Jawatankuasa Siasatan yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang pegawai kanan Lembaga yang hendak dipilih dengan mengambil perhatian yang semestinya tentang kedudukan pegawai yang berkenaan itu dan tentang jenis serta beratnya aduan-aduan yang menjadi perkara siasatan itu, dengan syarat bahawa seseorang pegawai yang lebih rendah pangkatnya daripada pegawai yang disiasat itu atau Ketua Jabatan pegawai itu tidak boleh dipilih menjadi ahli Jawatankuasa itu.

(6) Pegawai itu hendaklah diberitahu bahawa, pada hari yang ditentukan, soal buang kerja atau turun pangkat itu akan dibawa ke hadapan Jawatankuasa itu dan bahawa dia akan dibenarkan dan, jika Jawatankuasa itu memutuskan sedemikian, dia adalah dikehendaki hadir di hadapan Jawatankuasa itu dan membahaskan dirinya.

(7) Jika saksi-saksi diperiksa oleh Jawatankuasa pegawai itu hendaklah diberi peluang untuk hadir dan menyoal saksi-saksi itu bagi pihak dirinya sendiri dan tiada keterangan dokumentar boleh digunakan terhadapnya melainkan jika dia telah terlebih dahulu diberi satu salinan dokumen itu atau diberi akses kepadanya.

(8) Jawatankuasa itu boleh membenarkan Lembaga atau pegawai itu diwakili oleh seorang pegawai dalam perkhidmatan Lembaga atau, dalam keadaan yang tertentu, oleh seorang Peguambela dan Peguamcara dan, tertakluk kepada apa-apa penangguhan yang semunasabahnya perlu untuk membolehkan pegawai itu sendiri membentangkan kesnya, boleh menarik balik kebenaran itu pada bila-bila masa:

